

Bolehkah Manusia Sampai ke Bulan?

Rusia baharu-baharu ini telah mendakwa bahawa roketnya telah sampai ke bulan. Dakwaannya ini belum lagi nampak buktinya. Rusia juga mendakwa – sebagaimana dakwaan setengah-setengah ahli sains Amerika dan lainnya – bahawa tidak lama lagi manusia akan sampai ke bulan. Dakwaan ini juga masih dalam kandungan cita-cita.

Di bawah ini kita sajikan dua pucuk surat dari pembaca Qalam. Yang pertama dari Singapura: menyangkal bahawa “manusia tidak mungkin sampai ke bulan”, yang kedua dari Makkah: Membentangkan tiga pendapat tentang soal ini dan meminta “perhatian penuh dari alim ulama kita di tanah air” – Pengarang.

Manusia tak mungkin sampai ke bulan!

Bolehkah manusia sampai ke bulan?

Jawabnya: Tidak mungkin!

Pendapat ini apabila dibandingkan dengan kemajuan ilmu sains pada zaman kita ini, nyatalah sangat bertentangan dengan pendapat ahli sains itu. Tetapi biar bagaimana pun bagi saya tetap mengatakan manusia tidak mungkin sampai ke bulan. Menurut faham saya, bahawa alam yang tinggi itu tiadalah ia terbuka atau terdedah bagi manusia naik ke alam itu, baik dengan secara menceroboh mahupun dengan menyeludup. Kerana alam yang tinggi itu amatlah terkawal dengan pengawal-pengawal yang setia lagi gagah perkasa serta lengkap dengan alat-alat senjata yang akan menjahanamkan segala sesuatu yang mencuba hendak menghampiri alam langit itu, hatta jin dan syaitan sekalipun tak dapat naik ke situ semenjak hampir 14 abad lamanya sampai sekarang. Kecuali orang yang hendak naik itu mendapat visa dari pihak yang berkuasa alam itu. Itupun tak cukup dengan visa sahaja, bahkan perlu lebih dahulu menggunakan sejenis oksigen yang mesti didapati pula dari alam yang

tinggi itu juga supaya dapat dia menyesuaikan tubuh jasad dan jiwanya dengan alam itu dan penduduknya yang suci. Dengan cara yang demikian ini, baharulah boleh dikatakan mungkin orang itu sampai ke bulan. Kalau tidak, tentulah ia akan hancur lebur menjadi debu sebelum tiba ke bulan.

Saya berkata demikian, kerana tak pernah terbaca dalam sejarah atau terdengar orang mengatakan ada manusia sudah sampai ke bulan, melainkan seorang yang paling istimewa lagi amat mulia orangnya. Ia telah naik bukan sahaja sampai ke bulan, bahkan lebih tinggi lagi dari itu dengan beratus-ratus juta batu jauh lebih tingginya dari bumi kita ini, dalam tempoh beberapa jam sahaja naik dan turun. Iaitu: Nabī kita Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Itupun dengan mendapat undangan khas dari Tuhan Yang Maha Besar lagi Maha Berkuasa, sebagai suatu pengurniaan mukjizat besar dan tunggal bagi seorang hamba-Nya yang dipilih-Nya, dari antara sekalian manusia.

Sungguhpun begitu, setelah Malaikat Jibrail *‘alayhi al-salām* menjalankan suatu upacara pembelahan

dada Nabī yang mulia itu dan dibasuhnya dengan air zamzam, kemudian pula diisikan ke dalam dada yang mulia itu suatu hikmah atau benda yang tiada diketahuinya, yang diturunkannya dari alam yang suci itu. Dan setelah sempurna upacara itu lalu dibawanya naik ke alam yang penghabisan tinggi sekali oleh Malaikat Jibril *'alayhi al-salām*, sebagai pemandu baginya. Tiba-tiba pada abad yang kedua puluh ini, telah muncul pula ahli-ahli sains mencuba hendak menghantar manusia ke bulan dengan kekuatan kuasa atom yang ada pada mereka hari ini. Mereka pula bermegah-megah dengan melancarkan sebuah roket yang kononnya sudah pun sampai di muka bulan, menurut dakwaan mereka sendiri. Tetapi hingga sekarang belum ada bukti-bukti yang terang dan jelas kepada alam manusia, yang mensabitkan bahawa roket itu sah sudah sampai ke bulan. Kerana tidak ada lagi khabar beritanya sehingga hari ini.

Demikian juga tiada siapa-siapa pun dapat mengetahui, apakah yang sudah terjadi kepada roket itu melainkan Allah Ta'ālā. Boleh jadi kuat kuasa atom yang lebih sakti lagi di alam tinggi itu membelah dan menghancurkan roket itu sebelum sempat ia turun ke bumi kita ini. Kalau begitu, bagaimana pula kita hendak percaya, sekiranya mereka menghantar manusia dengan roket, kemudian mereka berkata bahawa manusia itu sudah pun sampai ke bulan sebagaimana dakwaannya pada roket tadi? Padahal manusia itu tidak balik semula ke bumi dengan membawa khabar-khabar berita dan benda-benda yang aneh pada bulan itu, atau sekurang-kurangnya mengambil gambar-gambar keadaan makhluk-makhluk Allah di bulan itu dengan jelasnya.

Dengan tidak ragu-ragu lagi, saya berkata sekali lagi, manusia tidak mungkin sampai ke bulan!

Kerana bahawasanya jin yang dijadikan daripada anasir api dan jisim mereka itu amat halus, begitu juga syaitan yang pada mulanya ia celam-celum¹ dan mundar mandir antara langit dan bumi, tak dapat lagi menyentuh alam yang tinggi itu, dengan pengakuan mereka sendiri. Jin itu berkata, sebagaimana yang tersebut di dalam al-Qur'ān: "Telah kami cuba hendak menyeludup naik ke langit, maka kami dapati dia penuh sesak dengan penjaga-penjaga dan bintang-bintang yang menyemburkan api" (Surah al-Jinn ayat 6). Demikian juga Allah Ta'ālā telah mencabar jin dan manusia, dalam surah al-Rahman ayat 31 (maksudnya): Hai sekalian jin dan manusia jika berkuasa kamu tembus keluar dari iklim-iklim langit dan bumi, kerana melarikan diri daripada qadad dan qadar, daripada maut dan seksa, maka tembus keluarlah kamu, tiadalah dapat kamu menembusi, melainkan dengan kuatkuasa, dan apakah kuatkuasa yang ada pada kamu?

Demikianlah lebih kurang tafsir ayat itu. Singapura.

A.K. Zain.

Roket di Angkasa?

Sebagaimana yang telah kita ketahui melalui radio dan surat khabar-surat khabar, bahawa roket yang telah dilepaskan oleh Soviet Rusia baharu-baharu ini telah menggemparkan dunia. Roket itu – menurut dakwaan Rusia – telah mengatasi bulan dan berada dalam kawasan matahari. Ini bererti roket itu telah menempuh 3 lapis langit.

Menurut setengah ahli-ahli tafsir, bahawa bulan berada di langit pertama, Utarid di langit kedua, Zuhrah di langit ketiga dan matahari di langit keempat. Selain dari

¹ keluar masuk (rumah dan lain-lain), sebentar ke sana, sebentar ke sini

itu, menurut keterangan al-Qur‘ān *al-Karīm*, bahawa tiap-tiap lapisan langit itu mempunyai pintu-pintu dan penjaga-penjaga daripada malaikat, tak dapat siapa-siapa pun daripada jin dan manusia menghampirinya, kerana akan menerima panahan yang menghancurleburkan. Mungkin inilah kandungan ayat-ayat suci ini:

1- *Wa annā lamasnā al-samā‘a fa wajadnāhā muli‘at ḥarasan shadīdan wa shuhubā.* (8, al-Jinn).

“Dan bahawasanya kami (kata jin sesama sendiri) telah meraba-raba (mencari-cari berita) langit, maka kami dapati dia dipenuhi dengan penjaga-penjaga (malaikat) yang keras (jagaannya) dan panahan-panahan api.”

2- *Innā zayyannā al-samā‘a al-dunyā bi zīnatin al-kawākib.*

Wa ḥifzān min kulli shayṭānin mārid. Lā yasma‘ūna ilā al-mala‘i al-‘alā wa yuqdhafūna min kulli jānib. Duḥūra... (6-9, al-Ṣāffāt).

“Sesungguhnya Kami (Allah *Ta‘ālā*) telah hiasi langit yang dekat (pada pemandangan) ini), dengan hiasan (iaitu) bintang-bintang. Dan (juga menjadi) kawalan dari tiap-tiap syaitan yang derhaka. Mereka tidak boleh dapat mendengar-dengar di kalangan golongan yang tertinggi sekali (alam malaikat), kerana mereka dilontar (dipanah dengan panahan api) dari tiap-tiap penjuru. Serta diusir dengan sekeras-kerasnya...”

3- *Yā ma‘shara al-jinni wa al-insi in istaṭa‘tum an tanfudhū min aqtār al-samāwāti wa al-arḍi*

fa infudhū, lā tanfudhūna illā bi al-sulṭān (33, al-Raḥman).

“Hai sekalian jin dan manusia! Jika kamu sanggup menembus keluar dari sempadan-sempadan langit dan bumi (untuk menyelamatkan diri kamu dari balasan Kami), cubalah kamu tembusi, kamu tidak akan dapat menembus keluar melainkan dengan kekuatan (padahal kekuatan dan kekuasaan yang membolehkan kamu menembusnya, tidak ada pada kamu).”

(Makna ketiga-tiga ayat yang tersebut, diberi oleh kita – P.Q.).

Hal ini membawa akal fikiran sebahagian manusia tertanya-tanya akan kedudukannya yang sebenar. Bagi orang-orang yang berpegang teguh dan yakin percaya dengan ilmu falak, mereka tidak menyangkal peristiwa tersebut. Sebaliknya orang yang tidak percaya, terus mereka mendustakannya. Manakala golongan yang ketiga pula tidak menyalahi mana-mana pihak, hanya berkata: “*laysa ‘alā ‘al-‘ilm bi mustahīl*” (hal ini tidaklah mustahil kepada ilmu pengetahuan – P.).

Yang demikian ada baiknya soal ini mendapat perhatian penuh daripada alim ulama kita di tanah air serta dapat memberi huraian-huraian yang memuaskan bagi menghilangkan keraguan atau kekeliruan.

Makkah al-Mukarramah

Penuntut Hījjāz.